



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

**KENYATAAN AKHBAR
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu Epid ke 13 (23 hingga 29 Mac 2008)


Sejumlah 648 kes demam denggi dengan 3 kematian telah dilaporkan di seluruh negara pada minggu epid ke-13 yang bermula dari 23 hingga 29 Mac 2008, meningkat sebanyak 73 kes atau 12.7% berbanding minggu sebelumnya (575 kes). Jumlah kes ini juga adalah 14.6% lebih tinggi berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 566 kes. Sebanyak lapan (8) buah negeri telah didapati menunjukkan peningkatan kes bagi tempoh yang dimaksudkan iaitu Terengganu (146.2%), N.Sembilan (130.8%), Selangor (66.9%), P.Pinang (66.7%), Sarawak (31.8%), Perak (29.5%), Melaka (25.0%) dan Johor (10.8%). Jumlah kes daripada negeri-negeri ini telah menyumbang kepada 75.8% (491 kes) daripada keseluruhan jumlah kes pada minggu yang dimaksudkan (LAMPIRAN A).

Pemantauan yang dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah di lokaliti yang melaporkan melebihi 1 kes mendapati kadar pembiakan nyamuk aedes masih lagi tinggi. Daripada sejumlah 221 premis yang didapati positif, (180) 81.4% daripadanya adalah merupakan rumah kediaman dan kedai. Sejumlah 144 kompaun bernilai RM38,800 dan 38 notis pembersihan telah diberikan kepada penghuni/empunya premis di lokaliti ini.

Bagi memastikan pembiakan nyamuk aedes dapat dihapuskan, seramai 42,513 orang masyarakat telah diberikan nasihat individu dengan fokus diberikan untuk memastikan agar rumah mereka bersih dari tempat pembiakan nyamuk aedes serta segera mendapatkan rawatan di kemudahan kesihatan seperti klinik dan hospital jika mengalami demam. Sebanyak 22 aktiviti gotong-royong telah dijalankan di kawasan-kawasan kediaman dengan penglibatan masyarakat seramai 2221 orang.

Peningkatan semula jumlah kes pada minggu epid 13 ini adalah membimbangkan Kementerian Kesihatan. Perubahan cuaca yang dengan hujan yang kerap berlaku serta kadar pembiakan yang tinggi terutamanya di premis rumah kediaman atau kedai dijangka menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kes ini. Justeru kerjasama dari anggota masyarakat adalah sangat diharapkan untuk melaksanakan perkara berikut:

- a. Hadkan masa berada di luar rumah pada waktu nyamuk aktif menggigit iaitu pada awal pagi dan senja.
- b. Periksa dan hapuskan tempat-tempat yang berpotensi membiak nyamuk aedes. Kumpul dan masukkan semua bekas yang boleh menakung air seperti bekas polisterin, tin dan botol ke dalam beg plastik dan buang di tempat yang disediakan atau ditanam.
- c. Semburkan aerosol di tempat-tempat yang gelap dan tersembunyi di dalam rumah yang menjadi tempat rehat nyamuk aedes dewasa seperti di belakang langsir, almari baju, stor penyimpanan, bawah meja dan rak.
- d. Pemimpin masyarakat dan ahli politik setempat digalakkan untuk menggerakkan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan setempat supaya bebas dari pembiakan nyamuk *Aedes*.
- e. Jika ada kemusykilan, dapatkan maklumat berkaitan demam denggi dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>


(DATO' DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tarikh: 31 Mac 2008

LAMPIRAN A

Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid Ke-13 2008 Berbanding Jumlah Kes Median

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Perbezaan Kes & Median	% Perbezaan
		Minggu 13/08	Median* (03-07)		
1.	Terengganu	32	13	19	146.2
2.	N.Sembilan	30	13	17	130.8
3.	Selangor	262	157	105	66.9
4.	P.Pinang	30	18	12	66.7
5.	Sarawak	29	22	7	31.8
6.	Perak	57	44	13	29.5
7.	Melaka	10	8	2	25.0
8.	Johor	41	37	4	10.8
9.	Kelantan	19	19	0	0.0
10.	Pahang	18	20	-2	-10.0
11.	Kedah	21	26	-5	-19.2
12.	Sabah	19	24	-5	-20.8
13.	WPKL	77	106	-29	-27.4
14.	Perlis	2	3	-1	-33.3
15.	Putrajaya	1	2	-1	-50.0
16.	Labuan	0	1	-1	-100.0
	Jumlah	648	566	82	14.5

Nota:

Median* - Nilai penengah kes denggi tahun 2003-2007 yang disusun mengikut urutan menaik.

- Merupakan nilai unjuran/jangkaan kes denggi pada tahun 2008.

(-) Menurun